

ZORAX SUSPENSION

Acyclovir (200mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zorax Suspension
2. Bagaimana Zorax Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zorax Suspension
4. Cara menggunakan Zorax Suspension
5. Semasa menggunakan Zorax Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zorax Suspension
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Zorax Suspension

- Rawatan untuk jangkitan virus Herpes Simplex (kudis herpes) pada kulit dan membran mukus, termasuk jangkitan awal dan ulangan herpes genital (jangkitan transmisi seksual pada bahagian sulit) dan herpes labial (jangkitan pada bibir, mulut dan gusi). Zorax suspension juga digunakan untuk mencegah jangkitan ulangan virus herpes simplex.
- Mencegah jangkitan herpes simplex pada pesakit yang lemah keimunannya.
- Merawat jangkitan varicella (cacar air) dan Herpes Zoster (Kayap)

Bagaimana Zorax Suspension berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini ialah Acyclovir. Acyclovir adalah ubat antiviral. Ia menghalang sintesis DNA baru dalam virus. Dengan cara ini, Acyclovir mengurangkan keterukan dan tempoh jangkitan simptom ini.

Sebelum menggunakan Zorax Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah atau hipersensitif pada acyclovir atau mana-mana bahan kandungan yang lain dalam Zorax suspension.

- Sebelum mula menggunakan Zorax Cream

Anda perlu memberitahu dengan doktor anda jika anda :

- mempunyai masalah keimunan
- mempunyai masalah kesihatan yang lain

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat yang boleh bertindak-balas dengan Zorax suspension. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi tentang semua ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat seperti berikut: -

- Probenecid (digunakan untuk merawat gout)
- Ubat-ubatan lain yang boleh menjejaskan fungsi buah pingang

Cara menggunakan Zorax Suspension

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Zorax suspension dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Zorax suspension mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil selama yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seterusnya pada masa lain seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Zorax Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Zorax suspension tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu kepada anda.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan berkongsi dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai masalah yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Zorax suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Pengambilan acyclovir melalui mulut boleh menyebabkan loya, muntah, dan cirit-birit,

sakit kepala dan ruam kulit pernah dilaporkan. Reaksi terbalik, terutamanya pening, kekeliruan, halusinasi dan sifat tidur juga kadang kala pernah dilaporkan, terutamanya pada orang yang mempunyai masalah buah pinggang atau lain-lain faktor. Kesan sampingan yang lain pada pesakit termasuk kenaikan secara sementara bacaan bilirubin dan enzim hati, peningkatan tahap urea dan kreatinin dalam darah (kedua-dua adalah bahan buangan badan), gangguan pada bacaan ujian darah, sakit kepala dan keletihan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers→Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Zorax Suspension

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan seperti krim, berwarna putih dengan perasa pisang.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
Acyclovir

- Bahan-bahan tidak aktif

- Sodium Saccharin
- Xanthum Gum
- Veegum HV
- Methyl Paraben
- Propyl Paraben
- Propylene Glycol

- Banana Flavour #23
- Sodium Benzoate
- Sugar
- Deionised water

- Nombor MAL
MAL19991445A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

19/11/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)041115/00400